

FIBROID DA

3/11 10/7/2011
P.

Wanita risau

SAYA ada dua anak, masing-masing berusia 3 dan 4 tahun. Saya kini hamil anak ketiga yang berusia dua setengah bulan. Semasa pemeriksaan kali pertama, doktor mengesahkan ada fibroid dalam rahim selepas imbasan *ultrasound* yang dikatakannya bukan kanser tetapi ketumbuhan. Fibroid itu berukuran 4 x 4.9 sentimeter. Saya bertambah risau selepas membaca satu rencana yang mana si ibu perlu membuat pilihan antara dirinya atau si bayi. Soalan saya, adakah ini membahayakan? Apakah perbezaan antara kedudukan fibroid atas bayi dengan di bawah bayi? Apakah perlu bersalin secara normal atau pembedahan? Jika bayi lahir kurang matang, pada tempoh berapa minggukah seseorang ibu melahirkan anak menerusi kaedah pembedahan?

PUAN LIA

ASSALAMUALAIKUM Puan Lia. Fibroid adalah ketulan daripada otot rahim yang tumbuh pada rahim. Majoritinya boleh didapati pada otot rahim yang dipanggil *myometrium* dan sejumlah kecil pada dinding luar rahim dan juga dalam rongga rahim.

Ia bukan kanser dan majoriti fibroid tidak memberi apa-apa masalah pada wanita. Oleh itu, kebanyakan fibroid dijumpai apabila wanita berjumpa doktor kerana masalah lain seperti mengandung. Imbasan *ultrasound* banyak membantu doktor mengenalpasti fibroid ini ketika pemeriksaan dan fibroid sudah menjadi masalah 'biasa' ditemui di klinik.

Dianggarkan satu bagi setiap lima wanita mempunyai fibroid dalam pelbagai saiz dan mereka

masalah jejukan cara bersalin, bayi



Fibroid yang dikeluarkan daripada rahim.

ini mempunyai masalah kesihatan lain. Sekiranya fibroid ini memberi masalah, ia dalam bentuk perdarahan yang banyak dan gejala tekanan pada pundi kencing seperti kerap terkencing.

Berbalik kepada masalah puan, artikel yang puan baca itu mempunyai fakta yang tidak tepat langsung dan puan tidak perlu gusar mengenai kandungan puan dan teruskan kandungan ini seperti ibu-ibu yang lain.

Ketika hamil, kesan fibroid bagi ibu adalah minimum. Setengah wanita alami sakit di perut atau tempat fibroid itu berada. Ini disebabkan perdarahan kecil dalam fibroid ketika hamil. Ini bermakna sebahagian besar wanita yang mempunyai fibroid tidak mengalami apa-apa masalah ketika hamil. Memang benar fibroid boleh menyebabkan saiz perut ibu lebih besar daripada usia kandungan biarpun saiz bayi tetap sama.

Fibroid ini juga selepas bersalin boleh menyebabkan rahim sukar mengecut dan boleh menyebabkan perdarahan yang banyak. Ini jarang berlaku dan jika terjadi,

kami ada beberapa langkah seperti suntikan bagi pencegahannya.

Kedudukan fibroid pada rahim amat penting bagi menentukan kaedah atau cara bayi ini akan dilahirkan. Rahim ini pula dibahagikan kepada dua - segmen atas dan bawah. Segmen bawah terletak kepala bayi dan pintu rahim. Jika fibroid terletak di bahagian atas maka ia tidak memberi apa-apa masalah besar dan boleh bersalin secara normal.

Sebaliknya jika fibroid berada di segmen bawah, ia bukan saja boleh menyebabkan kedudukan kepala bayi di tempat lain seperti sonsang, tetapi turut menyebabkan kepala bayi tidak dapat masuk ke dalam rongga pelvis apabila ibu sakit bersalin. Jika fibroid ini menghalang kelahiran secara normal, maka pembedahan diperlukan demi keselamatan ibu dan bayi.

Satu perkara unik berlaku ke atas fibroid ketika hamil adalah ia menjalani satu proses membesar dan mengecil apabila usia kandungan meningkat matang sehinggalah fibroid ini 'hilang' dan sukar ditentukan ketika

imbasan *ultrasound*.

Oleh itu, walaupun fibroid ini berada pada segmen bawah, majoritinya akan 'hilang' dan ibu memang boleh bersalin normal. Jadi puan tidak perlu khuatir langsung kerana fibroid ini tidak terjadi dalam beberapa bulan tetapi sudah bertahun-tahun ada di situ. Puan sudah bersalin dua anak secara normal maka saya rasa ini tidak mengganggu kelahiran kali ini.

Namun, untuk mengesahkannya, lakukan imbasan *ultrasound* selepas bersalin. Salah satu punca 'fibroid' ketika mengandung adalah apabila kontraksi berlaku pada otot-otot rahim, ia boleh menyerupai fibroid. Sekiranya betul wujud fibroid di segmen bawah, puan perlu menjalani pembedahan hanya pada usia kandungan cukup bulan iaitu selepas 38 minggu kecuali puan mengalami kontraksi sebelum itu.

Kami amat selesa jika kandungan itu berusia 36 minggu ke atas jika bayi terpaksa dilahirkan secara pramatang. Jika puan masih belum jelas, bertanyalah dengan doktor puan.



Bagi anda yang memiliki kemusykilan mengenai kesihatan, sila hantarkan soalan kepada 'Doktor di Brita Minggu' melalui e-mel, bminggu@bharian.com.my atau melalui pos di alamat **Berita Minggu, Berita Harian Sdn Bhd, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100, Bangsar, Kuala Lumpur**. Soalan anda akan dijawab Dr Suhaimi Isa, Pakar Perbidanan dan Sakit Puan Hospital Pantai Ampang.